

# Program Putra Lebaran serlah kreativiti pelajar UPM

**Kuala Lumpur:** Pelbagai program dan aktiviti dirancang pengurusan universiti menjelang perayaan Aidilfitri ini khususnya bagi pelajar yang masih kekal berada di kampus, sekali gus sebagai inisiatif menyuntik kegembiraan buat mahasiswa terbabit dalam meraikan lebaran.

Timbalan Naib Yang Dipertua Kebajikan dan Infrastruktur Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Khairul Amirin Khairudin, 22, berkata program dinamakan Putra Lebaran itu merangkumi pertandingan lensa lebaran, video kreatif lebaran dan poster kad raya Aidilfitri.

Beliau berkata, program anjuran MPP dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

(HEPA) itu diadakan sepanjang Ramadan serta Syawal.

"Lensa lebaran adalah pertandingan yang memfokuskan kepada penyertaan bergambar daripada pelajar UPM yang beraya di rumah mahupun di dalam kampus dengan karya yang dicari adalah bersempena dengan norma baharu serta raya berkonsepkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Manakala video kreatif lebaran pula adalah penyertaan berbentuk video pendek berdurasi satu hingga tiga minit, di mana kami mencari karya kreatif terbaik pelajar yang berkongsi persiapan Aidilfitri di rumah," katanya kepada *BH Varsiti*.

Khairul Amirin berkata, poster kad raya Aidilfitri pula berun-

surkan karya poster kreatif dengan suntingan dan tipografi yang mempunyai mesej sesuai serta jelas selari dengan tema ditetapkan.

"Penyertaan ini juga ingin menghidupkan semula tradisi kad raya yang semakin hilang ditelan arus perkembangan teknologi. Alhamdulillah, sambutan yang diterima daripada pelajar setakat ini amat baik.

"Harapan saya agar aktiviti ini mampu memberi seribu satu makna tentang sambutan Aidilfitri kepada pelajar yang terpaksa berjauhan dengan keluarga. Program jamuan hari raya juga akan diadakan pada 1 Syawal ini dengan akan dilaksanakan di kolej kediaman mengikut blok masing-masing sahaja," katanya.



*Khairul Amirin Khairudin*

Sementara itu, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pendidikan (Sains Sukan), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Aslan Saripudin, 22, berkata perasaan sedih menyelubungi diri kerana pertama kali terpaksa menyambut Aidilfitri tanpa keluarga tercinta.

Bagaimanapun, anak kelahiran Beaufort itu berkata, pengurusan universiti amat menitikberatkan aspek kesejahteraan pelajar



*Aslan Saripudin*

dengan beliau tidak akan keseorangan kerana ditemani rakan lain yang tidak dapat pulang ke kampung halaman.

"Lebih menggembirakan, saya dan rakan telah memilih juadah untuk disajikan pada Aidilfitri nanti antaranya, burasak, sate, ayam masak merah, tart nenas dan rempeyek, sekali gus dapat mengubat kerinduan terhadap air tangan keluarga di kampung," katanya.